

Perkaitan antara Hubungan Kekeluargaan dan Tingkah Laku Delikuens Remaja di Kuala Terengganu

Patonah zakaria, Nobaya Ahmad & Amna Md Noor
Jabatan Sains Kemasyarakatan Dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Malaysia
patonahzack92@gmail.com

Pengenalan

Masalah salah laku sosial yang berlaku dalam kalangan generasi muda pada hari ini bukanlah satu fenomena yang baru malah ianya sudah lama wujud dan semakin meruncing tahun demi tahun. Menurut Ghafani (2007), delikuens ditakrifkan sebagai tingkah laku yang dilarang oleh undang-undang dan berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama seperti mencuri, merompak, merogol, menagih dadah, menderhaka kepada kedua ibu bapa, mencuri dan bergaduh, Mengikut statistik Kementerian Pelajaran Malaysia (2007)[dalam Muhammed Sharif & Suria, 2012] salah laku disiplin pelajar pada tahun 2007 mencatatkan kadar purata 0.39 peratus iaitu 21,060 yang dikesan ponteng kelas dan sebanyak 24,840 pelajar (0.46%) pada tahun sebelumnya. Manakala kes jenayah yang diteliti menerusi rekod polis seperti mencuri, mencederakan pelajar, bergaduh dan pukul juga merupakan antara kes banyak dicatatkan di sekolah iaitu 18,900 (0.35%) pada 2007 dan 18,360 (0.34%) pada 2006. Tambahan lagi, statistik Kementerian Pelajaran Malaysia (2013), menunjukkan gejala ponteng sekolah (16.18%) melibatkan 17343 orang pelajar merupakan tingkah laku delinkuen tertinggi diikuti perlakuan kurang sopan (14.37%) membabitkan 15407 orang pelajar dan tingkah laku berunsur jenayah (13.36%) membabitkan 14321 orang pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa masalah tingkah laku pelajar sangat perlu dititikberatkan kerana remaja merupakan aset negara yang paling penting dan merupakan pewaris pucuk pimpinan negara suatu hari nanti. Menurut Nobaya, Ezhar dan Turiman (2007), belia hari ini merupakan refleksi kepada masyarakat untuk menentukan masa hadapan dari pelbagai segi seperti sistem kepercayaan, nilai, sikap dan tingkah laku akan mendatangkan impak yang berterusan kepada masa depan negara.

Metodologi

Reka bentuk kajian adalah kajian diskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang telah diubahsuai dan diadaptasi dari kajian-kajian

lepas dan juga dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan bahan rujukan yang berkaitan. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan di mana daerah Kuala Terengganu telah dipilih dalam kajian ini. Seramai 266 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu, dua dan empat daripada kelas tercorot dan juga kelas depan telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi yang terdiri daripada dua bahagian iaitu 1) The Self-reported Delinquency yang mempunyai enam item; dan 2) Family Functioning Style Scale (Deal, Trivette, and Dunst, 1988) dan the index of family welfare in Malaysia (2011). Pemarkahan tingkah laku delikuens adalah berdasarkan skor 1) ya atau 2) tidak yang menunjukkan responden terlibat dengan tingkah laku delikuens, manakala skala hubungan kekeluargaan berbentuk skala likert lima peringkat dengan julat dari sangat setuju hingga sangat tidak setuju. Pengukuran skor dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi yang mana semakin tinggi skor, semakin tinggi tahap tingkah laku delikuens dalam kalangan responden yang dikaji.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pola taburan responden berdasarkan jenis tingkah laku delikuens

Hasil kajian menunjukkan seramai (53.4%) orang responden mempunyai rekod negatif iaitu pernah terlibat dalam masalah salah laku di sekolah. Kajian menunjukkan penglibatan responden dalam tingkah laku ponteng samada ponteng kelas atau sekolah mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak (68.3%) orang responden. Sebaliknya, tingkah laku mencuri seperti barangan bernilai dari kedai atau pihak lain menunjukkan peratusan penglibatan yang paling rendah iaitu sebanyak (9.9%) responden sahaja. Selain itu, bagi salah laku menipu dalam peperiksaan didapati sebanyak (66.2%) pelajar responden pernah terlibat dalam aktiviti tersebut. Walaubagaimanapun, bagi salah laku menyembur atau menconteng cat pada dinding dilaporkan (14.1%) responden sahaja pernah terlibat dalam kegiatan tersebut. Begitu juga dengan tingkah laku menyelip masuk ke tempat awam tanpa kebenaran dan memusnahkan harta benda awam, peratusan penglibatan adalah juga pada tahap yang rendah yang mana peratusan yang dilaporkan masing-masing adalah sebanyak (10.6%).

Tahap Tingkah laku Delikuens Remaja Sekolah

Majoriti (57%) responden yang terlibat dalam tingkah laku delikuens adalah pada tahap yang sederhana. Manakala peratusan bilangan pelajar yang mencatat tahap tingkah laku delikuens yang rendah adalah paling sedikit iaitu sebanyak (7%) sahaja. Seterusnya, peratusan bilangan pelajar yang mempunyai tahap tingkah laku delikuens yang paling tinggi ialah sebanyak (36%). Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden yang terlibat dalam tingkah laku delikuens masih di tahap yang sederhana.

Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan dan Tingkah Laku Delikuens

Terdapat empat elemen hubungan kekeluargaan yang dikaji iaitu penglibatan ibu bapa dalam aktiviti, kefungsiian keluarga, masa bersama keluarga dan hubungan dengan ibu bapa. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara masa bersama keluarga dengan tingkah laku delikuens remaja iaitu ($r=-0.198$, $p=0.018$) di mana nilai $p<0.05$. Manakala, elemen penglibatan ibu bapa dalam aktiviti, kefungsiian keluarga dan hubungan dengan ibu bapa didapati tiada hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delikuens di mana nilai skor masing-masing adalah ($r = 0.148$, $p = 0.079$), ($r = 0.106$, $p = 0.210$), ($r = 0.098$, $p = 0.247$). Ini menunjukkan jumlah masa yang diluangkan bersama keluarga adalah faktor yang penting dalam mengawal tingkah laku delikuens remaja. Menurut Zainudin dan Norazmah (2011), ibu bapa yang jarang meluangkan masa di rumah dan sering sibuk bekerja akan mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar dalam masalah sosial. Kajian ini disokong lagi dengan beberapa kajian meta-analisis yang menumpukan kepada faktor-faktor risiko untuk tingkah laku kenakalan merangkumi faktor keluarga (Cottle et al., 2001).

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulannya, majoritinya iaitu sebanyak (57%) responden mencatatkan tahap tingkah laku delikuens yang sederhana dan penemuan kajian mendapati tingkah laku ponteng kelas dan sekolah adalah tingkah laku yang paling kerap dilakukan oleh responden. Selain itu, meluangkan masa bersama keluarga seperti melakukan kerja-kerja rumah bersama, beriadah dan melancong bersama keluarga menunjukkan indikator yang paling penting untuk mengawal penglibatan pelajar dalam masalah delikuens di sekolah. Hal ini kerana semakin banyak masa yang diluangkan bersama keluarga, semakin kurang penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral tersebut.

Kurangnya peluang bersama keluarga menyebabkan anak-anak cenderung melakukan tingkah laku delinkuens seperti mencuri, merusakkan harta benda sekolah dan harta benda awam, vandalisme dan menyertai kumpulan atau geng dan memecah masuk rumah. Berdasarkan Carlson (2006), penglibatan ibu bapa mempunyai implikasi penting untuk kesejahteraan kanak-kanak. Oleh itu, ibu bapa perlulah prihatin dengan keperluan anak dan lebih banyak meluangkan masa bersama anak-anak agar masalah tingkah laku anak-anak dapat dikawal.

Bibliografi

- Bahagian Kependudukan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2013). Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011. Dicapai pada September 1, 2014, dari http://www.lppkn.gov.my/index.php?option=com_docman&view=document&alias=29-laporan-kajian-indeks-kesejahteraan-keluarga-malaysia-2011&category_slug=kependudukan&Itemid=240.
- Carlson, M.J. (2006). Family structure, father involvement, and adolescent behavioral outcomes. *Journal of Marriage and Family*, 68, 137–154.
- Cottle, C. C., Lee, R. J., & Heilbrun, K. (2001). The prediction of criminal recidivism in juveniles: A meta-analysis. *Criminal Justice and Behavior*, 28(3), 367–394.
- Deal, A.G., Trivette, C. & Dunst, C.J., (1988). Family Functioning Style Scale. In C.J. Dunst, C.M. Trivette, & A.G. Deal (Eds.), *Enabling and empowering families: Principles and guidelines for practice* (pp. 179--184). Cambridge, MA: Brookline Books.
- Ghafani bin Awang. (2007). Kenakalan Remaja dari Perspektif Islam. Dicapai pada Ogos 2014, dari <http://halaqah.net/v10/index.php>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2013). Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammed Sharif, M. & Suria, A. J. (2012). Mengenal Pasti Punca Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50-73. <https://core.ac.uk/download/pdf/11799909.pdf>.
- Nobaya, A., Ezhar, T. & Turiman, S. (2007). Youth Participation in Civil Society. Round Table Discussion on Youth for Nation Building, Session 4. Selangor: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Thornberry, Krohn, Lizotte, Smith & Tobin.(2003). Self- reported delinquency: Rochester Youth Development Study.

Thornberry, T.P., Krohn, M.D., Lizotte, A.J., Smith, C.A., & Tobin, K. (2003). *Gangs and delinquency in developmental perspective*. New York: Cambridge University Press.

Zainudin, S. & Norazmah, M.R. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, 1*, 115-140.